

27 JUL 2004

Malaysia-Singapura

MALAYSIA DAN SINGAPURA LANGKAH SEIRING DITERAJUI PEMIMPIN BARU

Oleh: Santha Oorjitham

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Singapura sedang melangkah ke tahap perhubungan lebih intim selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerajui kerajaan di Kuala Lumpur sejak Oktober tahun lepas dan diikuti oleh Lee Hsien Loong di republik itu 12 Ogos ini.

Para pakar di kedua-dua negara menganggap tahun ini sebagai satu tempoh peralihan dalam hubungan dua hala dan bagi merenung kemajuan yang bakal dikecapi.

Malaysia adalah rakan kongsi dagangan terbesar Singapura. Perdagangan dua hala meningkat 12 peratus lagi sepanjang Januari hingga Jun tahun ini menjadi S\$41.34 bilion, berbanding S\$36.92 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Jumlah dagangan dua hala tahun lepas ialah S\$77.2 billion.

"Lee lebih muda dan bebas daripada gaya Lee Kuan Yew manakala Datuk Seri Abdullah bebas daripada gaya (Tun) Dr Mahathir Mohamad serta retorika," kata fellow kanan Institut Kajian Asia Tenggara di Singapura, Dr K. S. Nathan kepada Bernama.

"Abdullah tidak cenderung ke arah kelantangan. Kedua-dua negara menggunakan pendekatan tersusun manakala media di kedua-dua pihak juga tidak membesar-besarkan isu," kata ahli akademik dari Malaysia itu.

-- BERNAMA
SOM AU MAI